

Edisi 1

VOICE OF HEALTH

# BULETIN

## HOSPITAL BEAUFORT

# 2022



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
HOSPITAL BEAUFORT

# ISI

# KANDUNGAN

Hari Tibi dan Hari Buah Pinggang Sedunia

---

Program Nafas Baru Ramadhan : Titik Permulaan Untuk Berhenti Merokok

---

Minggu kawalan Infeksi dan hand Hgiene

---

Kursus Komunikasi Berkesan

---

Kursus Asas Klinik Berhenti Merokok (KBM)

---

Bengkel Team Building EKSA

---

Program I-Fiter

---

Perayaan Tahun Baru Cina

---

Pemeriksaan Premis Oleh Jabatan Bomba Beaufort

---

Audit Pertandingan Taman Tereapeutik

---

Karnival Pembedahan Klinik Katarak

---

Hari Penderma Darah Sedunia

---

Qari dan Qariah Hospital Raih Johan

---

Minggu Anti Dadah

---

Keluarga Malaysia Teguh Bersama

---

Hari Fisioterapi Sedunia

---

Kem Perubatan Hospital Beaufort

---

Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

---

Derma Organ : Cakna Demi Kehidupan

---

Program Berkhatan

## SAMBUTAN HARI TIBI DAN HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA PERINGKAT HBFT TAHUN 2022 DISAMBUT MERIAH

Sambutan ini merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan HBFT.

Program ini telah dilaksanakan secara serentak bermula 14 Mac 2022 sehingga 25 Mac 2022 dengan melibatkan seramai lebih kurang 150 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan hospital dan orang awam.

Program ini diadakan bagi meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai bahaya penyakit TIBI dan buah pinggang, di samping menggalakkan masyarakat untuk menjalani gaya hidup sihat.

Antara aktiviti menarik yang diadakan sepanjang program ini berlangsung, ialah;


- Pameran
- Ceramah Kesihatan
- Fun Games
- Kuiz Interaktif
- Tayangan Video Kesihatan



Gambar 1: Staff HBFT turut memeriahkan Fun Games pada hari tersebut.



Gambar 2: Sesi Ceramah mengenai Penyakit Buah Pinggang oleh Unit Hemodialisis, HBFT.



Gambar 3: Ceramah mengenai Penyakit TIBI oleh Miss Gan Siew Thing dari Unit Farmasi HBFT.

## PROGRAM NAFAS BARU RAMADHAN : TITIK PERMULAAN UNTUK BERHENTI MEROKOK

Program Nafas Baru Bermula Ramadhan adalah merupakan sebuah program bagi membantu dan sebagai titik permulaan bagi perokok untuk berhenti merokok. Program ini juga secara amnya ingin menyalurkan dan memberi pendidikan bahaya merokok dan amalan pemakanan sihat kepada masyarakat setempat, khususnya dalam kalangan kakitangan HBFT itu sendiri.

Program anjuran Unit Promosi Kesihatan ini telah dilaksanakan pada 01 April 2022 dengan melibatkan seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan hospital.

Program ini diadakan bagi meningkatkan pengetahuan peserta mengenai kesan buruk tabiat merokok terhadap perokok, di samping memberi kesedaran bahawa Ramadhan merupakan titik permulaan untuk berhenti merokok

Antara pengisian program pada hari tersebut, ialah;

- Pameran
- Ceramah Kesihatan



Gambar 1: Sesi Ceramah oleh Imam Naim, Pengerusi PERKIPS HBFT



Gambar 2: Para peserta program melakukan XBREAK selama 5 minit semasa program berlangsung



Gambar 3: Sesi Ceramah Aktiviti Fizikal oleh Unit Fisioterapi.

## UNIT KAWALAN INFEKSI HBFT ANJUR MINGGU KAWALAN INFEKSI DAN KEMPEN HAND HYGIENE PERINGKAT HOSPITAL BEAUFORT

Atas tanda sokongan kepada sambutan World Hand Hygiene Day yang disambut pada 5 Mei setiap tahun dengan tema tahun ini iaitu 'Unite For Safety, Clean Your Hands', Unit Kawalan Infeksi kolaborasi bersama-sama Unit Promosi Kesihatan telah menganjurkan Minggu Kawalan Infeksi dan Kempen Hand Hygiene pada 12 Mei hingga 20 Mei 2022.

Perasmian Minggu Kawalan Infeksi dan Kempen Hand Hygiene ini telah dirasmikan oleh Pengarah Hospital Beaufort, Dr Ridwan Bin Hashim pada 12 Mei 2022 dengan menandatangani pledge Pelancaran Hand Hygiene. Acara perasmian ini turut dimeriahkan dengan rombongan Team 4 x 4WD Beaufort yang membawa poster-poster hand hygiene.

Antara pengisian program sepanjang minggu tersebut, ialah;


- Tayangan Video Dan Kuiz Hand Hygiene (Online)
- Pertandingan Mewarna
- Pertandingan mencipta Logo Hand Hygiene



*Gambar 1: Pledge Hand Hygiene yang ditandatangani oleh Pengarah Hospital Beaufort, Dr Ridwan Bin Hashim sebagai perasmian Minggu Kawalan Infeksi dan Kempen Hand Hygiene 2022*



*Gambar 2: Gambar kenangan Pengarah Hospital, Staf hospital lengkap berpakaian tradisi Sabah dan Team 4 x 4WD Beaufort.*



*Gambar 3: Hasil kreativiti kesemua peserta dipamerkan di koridor Unit Pengurusan.*



*Gambar 4: Staf Wad Obstetrik memberikan sokongan padu untuk penyertaan bagi kategori Staf Hospital dengan melaksanakan aktiviti bersama-sama.*

## KURSUS KOMUNIKASI BERKESAN MANTAPKAN PETUGAS BARISAN HADAPAN HBFT

Kursus Komunikasi Berkesan dan Pemantapan Petugas Barisan Hadapan merupakan satu program yang julung kalinya diadakan di hospital ini dan merupakan kolaborasi di antara Unit Promosi Kesihatan, bersama Unit Perhubungan Awam, Hospital Beaufort.

Kursus ini telah dijalankan pada 6 Julai 2022 bertempat di Unit Promosi Kesihatan, Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort dengan penglibatan seramai 15 orang kakitangan Hospital Beaufort yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Keselamatan, Pegawai Khidmat Pelanggan dan Pembantu Perawatan Kesihatan.

Objektif utama program ini ialah memberi pendedahan kepada anggota kesihatan mengenai kepentingan komunikasi berkesan, di samping mempertingkatkan kemahiran komunikasi supaya dapat menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan komprehensif ke arah perubahan sikap dan tingkahlaku kesihatan yang lebih positif.

Antara pengisian kursus pada hari tersebut, ialah;

- Ice Breaking
- X-break
- Ceramah Komunikasi Verbal dan non-verbal oleh Cik Liah Natasha, Pegawai Psikologi PKK Beaufort.
- Latihan Dalam Kumpulan
- Ceramah Penampilan Diri dan Etiket Barisan Hadapan oleh Encik Ag Sophian, Pejabat Penerangan Daerah Sipitang.



*Gambar 1: Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dalam kalangan peserta program.*



*Gambar 2: Gambar kenangan para peserta bersama Cik Liah Natasha dan juga Jawatankuasa Pelaksana Program.*

## KURSUS ASAS KBM PERTINGKAT KEMAHIRAN PELAPIS BARU DI KLINIK BERHENTI MEROKOK HBFT

Demi meningkatkan kemahiran dan memberi tunjuk ajar mengenai perkhidmatan Berhenti Merokok di Klinik Berhenti Merokok Hospital Beaufort, Kursus Asas Pengendalian Klinik Berhenti Merokok telah dijalankan pada 01 Jun 2022, bertempat di Hospital Beaufort. Kursus ini merupakan Kursus Tahunan yang dikendalikan oleh Unit Promosi Kesihatan, Hospital Beaufort.

Seramai 8 orang kakitangan Hospital Beaufort yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Jururawat Terlatih dan Jururawat Masyarakat terlibat dalam kursus yang diadakan selama sehari ini.

Antara pengisian kursus pada hari tersebut, ialah;

- Pengenalan Klinik Berhenti Merokok
- Sesi Ceramah daripada Pegawai Psikologi Klinik Kesihatan Mengatal,
- Sesi Ceramah Modifikasi Tingkahlaku oleh Pegawai Pendidikan Kesihatan dari Hospital Queen Elizabeth 1, KK.
- Sesi Ceramah Rawatan Pharmacotherapy & Masalah-masalah semasa berhenti merokok (Withdrawal Symptoms) oleh Pegawai Farmasi HBFT.
- Sesi Ceramah mengenai CPG Update: Treatment of Tobacco Use Disorder oleh Pegawai Perubatan HBFT

Sebagai maklumat tambahan, Klinik Berhenti Merokok di hospital ini beroperasi pada setiap hari Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi. Orang awam yang mempunyai hasrat untuk berhenti merokok adalah dialu-alukan untuk mendapatkan perkhidmatan di klinik ini.



*Gambar 1: Para peserta sedang mengikuti Sesi Ceramah Bersama Pegawai Psikologi Kaunseling dari KK Mengatal.*



*Gambar 2: CPG Update oleh Dr Shaiful Lizam, Pegawai Perubatan yang turut menjadi nadi kepada Klinik Berhenti Merokok HBFT.*

## HBFT BEKERJASAMA DENGAN KOLEJ VOKASIONAL BEAUFORT ANJUR BENGKEL TEAM BUILDING EKSA

Jawatankuasa EKSA Hospital Beaufort telah mengadakan Bengkel Kerja Berpasukan (Team Building) bagi memperkukuhkan lagi kemahiran dan ilmu dalam mengendalikan EKSA di hospital Beaufort.

Bengkel ini telah diadakan pada 14 Jun 2022, bertempat di Kolej Vokasional Beaufort dengan penglibatan seramai 65 orang peserta yang terdiri daripada Jawatankuasa Induk, Zon dan Juru audit dari Hospital Beaufort, Hospital Sipitang dan Kolej Vokasional, Beaufort.



Gambar 1: Wakil Kumpulan Dulu1 menerima hadiah sebagai Pemenang Keseluruhan yang disampaikan oleh Cik Vanessa.



Gambar 2: Gambar Kenangan. Para peserta dan Fasilitator mengabadikan kenangan bersama Pengarah Kolej Vokasional.



Gambar 3: Fasilitator dari Kolej Vokasional Beaufort member taklimat LDK kepada para peserta bengkel.



Gambar 4: Simbol Kolaborasi Penganjur Bersama di antara Hospital Beaufort dan Kolej Vokasional Beaufort.

## 25 ORANG PESERTA SERTAI PROGRAM IFITER PERINGKAT HOSPITAL BEAUFORT

Seramai 25 orang peserta menyertai Program Pengurusan Berat Badan (ifitEr) anjuran Unit Promosi Kesihatan Kolaborasi Bersama Unit Fisioterapi Hospital Beaufort. Program ini dijalankan selama 8 minggu bermula 23 Jun 2022 dan berakhir pada 20 Ogos 2022.

Program ini telah dilancarkan pada 23 Jun 2022 dan dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Perubatan, Dr Wan Mohd Syazwan Bin Wan Mohd Sabri mewakili Pengarah Hospital, Dr. Ridwan Bin Hashim.

Selama tempoh 8 minggu, semua peserta akan menjalani Latihan Bersama Jurulatih dengan penglibatan seramai 6 orang Jurulatih dan diketuai oleh Puan Samsiah Muslim, dari Unit Fisioterapi Hospital Beaufort. Fokus utama program ini ialah Sekurang-kurangnya 10% peserta Berjaya menurunkan sebanyak 10% berat badan daripada berat badan asal



Gambar 1: Pelancaran Kick off ifitER yang dirasmikan oleh Dr. Wan Mohd Syazwan.



Gambar 2: Kolaborasi Hebat antara Unit Promosi Kesihatan dan Unit Fisioterapi, Hospital Beaufort.



Gambar 3: Sesi Pengenalan Program oleh Penyelaras Program, Puan Yusfazilah dari Unit Promosi Kesihatan.



Gambar 4: Para peserta menjalani sesi Latihan Bersama Jurulatih.

## PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2022

Meraikan Kepelbagaian Perayaan dalam Konsep "Keluarga Malaysia" Sempena Perayaan Tahun Baru Cina 2022 yang dianjurkan oleh Biro Kebajikan dan Biro Kecerian AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL BEAUFORT telah berlangsung pada pagi ini.

Symbolik penyerahan ini telah dihadiri oleh Pengarah Hospital Beaufort, Dr.Ridwan Bin Hashim, Timbalan Pengarah (Pengurusan) Puan Cynthia Lo Wun Hui dan ketua-ketua Unit, ketua-ketua wad Hospital Beaufort. Sumbangan berbentuk hamper dan limau adalah disumbangkan oleh YBhg Datuk Hjh Siti Aminah Aching, Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Beaufort. Manakala Sumbangan limau daripada YBhg. Datuk Hj. Kamarlin Hj. Ombi, dan sumbangan bun dan roti kepada petugas kesihatan adalah daripada Presiden PRESBAH yang juga merangkap Ahli Lembaga Pelawat Hoapital Beaufort, Tuan Haji Yahya Bin Haji Ahmad.



*Gambar 1: Pengarah Hospital Beaufort, Dr.Ridwan Bin Hashim, Timbalan Pengarah (Pengurusan) Puan Cynthia Lo Wun Hui dan ketua-ketua Unit, ketua-ketua wad Hospital Beaufort bergambar kenangan bersama para penyumbang*



*Gambar 2: Sambutan Tahun Baru Cina 2022 peringkat Hospital Beaufort*

## LAWATAN KETUA PERKHIDMATAN PERUBATAN REHABILITASI NEGERI SABAH

Lawatan Ketua Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi Negeri Sabah ke Hospital Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu bersama Ketua Bidang Profesion Perubatan Fisioterapi dan Carakerja



*Gambar 1: Gambar kenangan rombongan lawatan bersama kakitangan Hospital Beaufort.*

## PEMERIKSAAN PREMIS OLEH JABATAN BOMBA BEAUFORT

Pemeriksaan Premis bagi Tujuan Penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dari Pejabat Zon Beaufort Jabatan Bomba Dan Penyelamat yang diketuai oleh PgB Andre Andrew, Ketua Zon.



*Gambar 1: Gambar kenangan Rombongan Lawatan Kerja Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia.*

## AUDIT PERTANDINGAN TAMAN TERAPEUTIK


Penilaian Pertandingan Taman Terapeutik KKM Sabah Tahun 2022 telah berlangsung pada 2hb Jun 2022 yang lalu. Hadir pada program berkenaan ialah Datuk Dr. G. Mohan a/l A. Gopal Naidoo, Pengarah Hospital Tuaran, Pn. Norhayati Arifin, Ketua Pegawai Farmasi, En. Harajih Abd. Gani, Pembantu Perawatan Kesihatan, En. Azerin Jopril, Jurupulih Carakerja dan En. Ricaldo Geonan, Penolong Pustakawan.



*Gambar 1: Taman Terapeutik yang dipertandingkan*



*Gambar 2: Gotong royong membersihkan Taman Terapeutik*



*Gambar 3: Gotong royong mengecat dan mencantikkan taman*



*Gambar 4: Hari penilaian / Audit taman-taman terapeutik*

KARNIVAL PEMBEDAHAN KLINIK KATARAK  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIAN (KKM)  
HOSPITAL BEAUFORT

Seramai 31 pesakit telah mendapat manfaat dari program Klinik Katarak Kementerian Kesihatan Malaysia (K4M) di Hospital Beaufort yang diadakan pada 03 dan 04 Jun lalu.

Seramai 10 petugas yang terdiri dari doktor dan doktor pakar serta petugas dari Jabatan Oftalmologi, Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah bertugas bagi program tersebut yang turut dibantu seorang doktor dan 36 petugas Hospital Beaufort.

Program ini telah menunjukkan bahawa pelaksanaan Hospital Kluster di mana perkhidmatan yang lebih berkualiti dan dekat dengan tempat tinggal atau “care closer to home” dapat disampaikan kepada penduduk setempat. Program ini juga diadakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS (National Blue Ocean Strategy) yang telah menggembeng kepakaran dan kerjasama di antara syarikat swasta, kepakaran Doktor Pakar kerajaan dan persatuan dari badan bukan kerajaan (NGO) untuk memberi perkhidmatan, penyediaan alat rawatan dan sokongan kepada pesakit katarak.

Pakar Perunding Oftalmologi, Jabatan Oftalmologi Hospital Queen Elizabeth, Dr. Caroline Binson berkata, program K4M ini merupakan kesinambungan daripada beberapa program katarak sebelum ini yang bermula sejak 2003 lagi.

“Kelebihan K4M ini adalah, kita membawa peralatan untuk pembedahan dengan tenaga pakar beserta tenaga kerja ke hospital daerah dan ini akan memudahkan pesakit untuk mendapatkan rawatan tanpa perlu ke Hospital Queen Elizabeth yang akan memakan masa dan juga kos perjalanan ke sana” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, “Tahun ini sahaja setakat Januari hingga Jun, program K4M telah dianjurkan di daerah Tawau dan Kota Belud dimana seramai 220 pesakit telah dirawat menerusi program ini”.

Program ini turut melibatkan penyertaan persatuan dari badan bukan kerajaan iaitu Persatuan Kecergasan dan Pembangunan Orang Tua Kota Kinabalu (KOAT) yang turut menaja kanta untuk penerima rawatan pada Karnival Pembedahan Klinik Katarak Kementerian Kesihatan Malaysia (K4M) di Daerah Beaufort pada kali ini.

Pengarah Hospital Beaufort, Dr. Ridwan Bin Hashim yang turut menyambut baik penganjuran K4M di Daerah Beaufort dan berharap dapat memperkukuhkan lagi kerjasama antara Hospital Beaufort dengan Hospital Berpakar di Kota Kinabalu bagi meningkatkan akses pesakit di Kluster Beaufort kepada perkhidmatan kepakaran Ophthalmology. Menurut beliau seramai 29 pesakit katarak dari Beaufort, seorang dari Kuala Penyu dan seorang pesakit dari Lawas mendapat manfaat pada program kali ini.

Menurut Dr. Mohamad Israk Bin Isa, Pakar Oftalmologi, Jabatan Oftalmologi Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah bagi pesakit katarak yang berminat mengikuti program ini mereka perlu mendapatkan pemeriksaan di Hospital berdekatan atau menghubungi Cataract Finder, agar mudah bagi pihak hospital mengenal pasti pesakit dan didaftarkan bagi program K4M. Ujar beliau lagi Karnival Pembedahan Klinik Katarak Kementerian Kesihatan Malaysia (K4M) seterusnya akan diadakan di daerah Ranau pada bulan Julai dan dijangka akan kembali semula ke Daerah Beaufort pada 06 dan 07 Oktober 2022”.

Turut hadir pada program berkenaan, Pakar Oftalmologi Hospital Queen Elizabeth, Dr. Siti Ilyana Binti Ghani dan Timbalan Pengarah (Perubatan) Dr. Wan Mohd Syazwan Bin Wan Mohd. Sabri.



*Gambar 1: Pemeriksaan kesihatan dilakukan kepada para pesakit yang bakal menjalani pembedahan katarak*



Gambar 2: Mata pesakit katarak (mata kanan pesakit yang mengidap katarak mata)



Gambar 4: Pembedahan katarak yang dijalankan di Unit Dewan Bedah Hospital Beaufort



Gambar 3 : Pemeriksaan dilakukan oleh Pakar Oftalmologi Hospital Queen Elizabeth



Gambar 5: Dr.Caroline Binson (tiga dari kanan) dan Dr. Mohamad Israk Bin Isa (empat dari kiri) merakamkan gambar kenang-kenangan bersama para doktor dan petugas yang terlibat pada Karnival Pembedahan Klinik Katarak Kementerian Kesihatan Malaysia (K4M) di Hospital Beaufort

## HARI PENDERMA DARAH SEDUNIA

Setiap tahun, 14 Jun diisytiharkan sebagai Hari Penderma Darah Sedunia oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi menggalakkan masyarakat menderma darah untuk menyelamatkan mereka yang memerlukan.

Tema tahun ini adalah 'Derma Darah, Kukuhkan Perpaduan'

Penderma darah kali ini terdiri daripada kakitangan Klinik Pergigian Beaufort, Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort, Hospital Beaufort dan RELA Beaufort dan Sukarelawan Parlimen Beaufort (SUPERB) pula turut menaja dan memberi sumbangan kepada para penderma.

Penderma darah merupakan wira kepada semua kerana 1 beg darah yang didermakan mampu menyelamatkan 3 nyawa. Program ini telah berjaya mengutip sebanyak 39 pint darah bagi kegunaan pesakit di Hospital Beaufort.

Main Organizer  
**Blood Donation Inconjunction**

**World Blood Donor Day SABAH STATE LEVEL**

**“Donating blood is an act of solidarity. Join the effort and save lives”**

Date : **11th.6.2022**  
Time : **8.00am - 2.00pm**  
Venue : **Bangunan PBSMM Beaufort**

**“Tears cannot save a life, But your blood can.”**

Co-Organizer  
SABAH  
PACIFIC  
Supported Agencies  
ICRC  
SABAH  
Homage

Gambar 1: Poster Hari Derma Darah Sedunia Peringkat Hospital Beaufort bagi tahun 2022



Gambar 2: Para penderma yang hadir bagi memberi sokongan kepada Hari Penderma Darah Sedunia Hospital Beaufort



Gambar 3: Penderma yang berjaya menderma pada program berkenaan

## QARI DAN QARIAH HOSPITAL BEAUFORT RAIH JOHAN DI TAMBUNAN

Wakil peserta dari Hospital Beaufort berjaya mendapat tempat di hati juri apabila berjaya dinobatkan sebagai Johan Qari & Qariah sempena Seminar Pemantapan Nilai-nilai Murni, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Tahun 2022, Peringkat Zon Pedalaman Sabah yang diadakan pada 06 Ogos lalu, bertempat di Dewan JHEINS, Daerah Tambunan.

Peserta Qari, Encik Mohd. Akhyar Haziq Bin Mohd. Arshad dan Puan Saloma Binti Kalu akan mewakili Zon Pedalaman Sabah ke Peringkat Negeri Sabah di Ranau pada Bulan Ogos ini. Kedua-dua peserta ini berjaya menyaingi peserta lain yang terdiri daripada peserta dari Hospital Keningau, Pejabat Kesihatan Kawasan dan Pergigian Kawasan Beaufort, Hospital Kuala Penyu, Hospital Tenom dan Hospital Sipitang.

Program ini merupakan salah satu aktiviti di bawah PERKIPS Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia. Majlis ini dirasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Tambunan, Tuan Mohd Azri Jaini Jeffery. Turut hadir, Pengerusi PERKIPS Hospital Beaufort, Encik Naim Bin Miki berserta rombongan daripada Hospital Beaufort.



Gambar 1: Johan Qari, Encik Mohd. Akhyar Haziq.



Gambar 2: Johan Qariah, Puan Saloma Kalu.



Gambar 3: Pengerusi PERKIPS Hospital Beaufort, Encik Naim berserta AJK PERKIPS HBFT bergambar kenangan selepas program tamat.

## HOSPITAL BEAUFORT LANCARKAN PROGRAM MINGGU ANTIDADAH PERINGKAT HOSPITAL BEAUFORT TAHUN 2022

Bertemakan slogan “Lebih Baik Cegah”, Jawatankuasa Antidadah Hospital Beaufort telah menganjurkan Sambutan Minggu Antidadah Peringkat Hospital Beaufort yang dirasmikan oleh Pengarah Hospital, Dr. Ridwan Bin Hashim.

Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran di kalangan anggota kesihatan Hospital Beaufort dan masyarakat setempat untuk menghayati amalan hidup sihat tanpa dadah dan terhindar daripada perlakuan-perlakuan negatif. Selain itu, program ini juga bertujuan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat iaitu “Tempat Kerja Bebas Dadah” disamping komited dalam usaha menanam rasa bertanggungjawab di kalangan anggota kesihatan dan masyarakat setempat bagi menjauhkan diri sendiri daripada ancaman dadah.

Pelbagai aktiviti menarik dianjurkan sepanjang program ini berlangsung selama seminggu bermula 23 sehingga 26 Ogos 2022. Antaranya ialah Sesi Ceramah (Bersama AADK, Pegawai Psikologi Kaunseling PKK Beaufort, dan IPD Daerah Beaufort), Pertandingan Poster Digital, Pameran, Kuiz Antidadah, dan Senamrobik Sihat Tanpa Dadah.

Turut hadir, Ketua Pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Beaufort, Tuan Yusley Bin Mining, Wakil OCPD dari IPD Beaufort, Insp. Clotilda Jateng, Timbalan Pengarah (Perubatan) Hospital Beaufort, Dr. Wan Mohd Syazwan Bin Wan Mohd Sabri, Timbalan Pengarah (Pengurusan) merangkap Penyelaras Program Minggu Antidadah, Puan Cynthia Lo Wun Hui, Ketua-Ketua Unit, Ketua-Ketua Wad dan kakitangan Hospital Beaufort.



Gambar 1: Simbolik Perasmian Program



Gambar 2: Dif kehormat bersama kakitangan HBFT turut sama dalam menyempurnakan Ikrar Jauhi Dadah.



Gambar 3: Dif Kehormat merakam gambar kenangan bersama kakitangan HBFT yang hadir semasa majlis pelancaran program.

## KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA

Bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, Perhimpunan Bulanan Hospital Beaufort pada kali ini telah mengangkat Tema “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” yang berlangsung penuh meriah di Laman Saujana, Hospital pada pagi tadi. Majlis disempurnakan dengan simbolik penyerahan Jalur Gemilang kepada Pengarah Hospital Beaufort, Timbalan Pengarah (Pengurusan), Ketua Penyelia Jururawat Hospital dan Penolong Pegawai Perubatan serta pemasangan Jalur Gemilang di Kenderaan Jabatan dan juga Ambulan Hospital Beaufort oleh Pengarah Hospital, Dr. Ridwan Bin Hashim. Di samping itu, pelbagai program dan pertandingan berunsur kenegaraan telah disusun agar terus memupuk serta menyemai semangat patriotism dan cinta akan negara dalam kalangan anggota Hospital Beaufort. Antara aktiviti yang berlangsung sepanjang program ini ialah Pertandingan Mewarna, Koir Kemerdekaan, Pertandingan Hiasan Kemerdekaan Unit & Wad Hospital Beaufort, Kuiz Kemerdekaan, Permainan Rakyat dan bermacam-macam lagi.

Turut hadir pada program berkenaan ialah Puan Cynthia Lo Wun Hui, Timbalan Pengarah (Pengurusan), Ketua Penyelia Jururawat Hospital Matron Martha Turepun, Penyelaras Jawatankuasa Budaya Korporat Pn. Carolin dan Ketua-Ketua Unit dan Wad Hospital Beaufort.



*Gambar 1: Simbolik Perasmian. Pengarah Hospital meletakkan Bendera Mini di beberapa kenderaan jabatan semasa hari pelancaran program.*



*Gambar 2: Pengarah Hospital bersama Puan Cynthia, KPJH Matron Martha serta beberapa anggota Klinikal HBFT turut sama mengibarkan Mini Bendera bersama Kenderaan Jabatan HBFT.*



*Gambar 3: Para Peserta Explorace yang turut sama memeriahkan aktiviti.*



*Gambar 4: Pengarah Hospital bersama para Juri dan kakitangan di Unit Pengurusan 1 sempena Pertandingan Dekorasi Kemerdekaan.*

## HARI FISIOTERAPI SEDUNIA PERINGKAT HBFT 2022 DISAMBUT MERIAH

Bertemakan “Beat the Pain”, Unit Fisioterapi dengan kolaborasi bersama Unit Promosi Kesihatan Hospital Beaufort berjaya meraikan sambutan Hari Fisioterapi Sedunia Peringkat Hospital Beaufort Tahun 2022 yang dijalankan pada 21 September 2022, bertempat di Hospital Beaufort.

Seramai 90 orang peserta menghadiri Majlis Perasmian tersebut yang disempurnakan oleh Pengarah Hospital, Dr Ridwan Bin Hashim. Selain itu, program ini turut menjalankan Hari Terbuka sebagai pengisian program dengan melibatkan seramai 63 orang peserta yang menghadiri Sesi Praktikal, dan terdiri daripada kakitangan kesihatan Hospital Beaufort, Pejabat Kesihatan Beaufort dan Klinik Pergigian Beaufort

Antara objektif lain bagi program ini, ialah memantapkan pengetahuan dikalangan kakitangan Hospital Beaufort terhadap peranan Fisioterapi di Hospital Beaufort, di samping menyahut kempen “Pain free Hospital” terhadap bebas kesakitan terutamanya dalam menangani masalah sakit berkaitan dengan Muskuloskeletal di kalangan kakitangan Hospital Beaufort serta Memantapkan lagi kemahiran “Hands-on” dikalangan Jurupuluh Perubatan Fisioterapi Hospital Beaufort.



Gambar 1: Gambar kenangan bersama Pengarah Hospital, Timbalan Pengarah Hospital serta AJK Pelaksana sambutan “Physiotherapy Open Day”



Gambar 2: Gimik Perasmian oleh Pengarah Hospital.



Gambar 3: Persembahan oleh para physiotherapist HBFT.



Gambar 4: Sesi Praktikal.

## KEM PERUBATAN HBFT JEJAK KOMUNITI LUAR BANDAR

Kem Perubatan anjuran Hospital Beaufort adalah merupakan satu program berbentuk outreach dan tanggungjawab sosial hospital untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk luar bandar amnya dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan perubatan secara percuma.

Bagi tahun 2022, hospital telah memilih SK Biah, Batu 65 Beaufort. Program ini berlangsung bermula 14 Oktober (Jumaat) hingga 15 Oktober 2022 (Sabtu) dengan penglibatan beberapa agensi Kerajaan dan NGO seperti PERKIPS dan BMRC Beaufort, Klinik Pergigian Beaufort, PBSM Daerah Beaufort dan beberapa sukarelawan lain termasuk Ahli Lembaga Pelawat Hospital, Damai Recycle Point, Tong Guan Food Products Sdh Bhd, Guan Yi Tang, Keng Lok Cafe, Persatuan Insan Cahaya Harapan, Liong Shyh Huei, Michael Liong, Vivian Liong dan Koh Chen Shiong.

Objektif utama Kem Perubatan ini adalah untuk memberi rawatan secara percuma kepada penduduk di kawasan pedalaman yang kurang mendapat kemudahan pemeriksaan kesihatan. Pada program kali ini juga turut menyediakan program pendidikan kesihatan seperti pameran kesihatan juga aktiviti khidmat sosial dari hospital dan NGO kepada penduduk seperti agihan barang terpakai, ziarah amal oleh PERKIPS dan sebagainya.



Gambar 1: Aktiviti mencari kutu oleh salah seorang petugas.



Gambar 2: Antara kaunter yang mendapat sambutan menggalakkan dari penduduk setempat.



Gambar 3: Pengarah Hospital bersama para AJK yang hadir pada hari pertama program.



Gambar 4: Sebagai kenangan.. Para petugas Kem Perubatan mengabadikan kenangan di SK Biah, Batu 65.

## HARI RADIOLOGI DIRAI BERSAMA WARGA HBFT

Setiap 8 November adalah merupakan Hari Radiografi Sedunia yang mana bagi memperingati ulang tahun penemuan sinar-X oleh Wilhelm Roentgen pada 1895.

Bertemakan “Juru X-ray Di Barisan Hadapan Bagi Keselamatan Pesakit”, sambutan kali ini telah dirasmikan oleh Pengarah Hospital, Dr Ridwan Bin Hashim, bertempat di Laman Saujana, Hospital Beaufort.

Antara program yang berlangsung sepanjang Hari Radiologi ialah CME Radiologi, Pertandingan Queezy, Pameran Radiologi, Pertandingan Mewarna, dan Treasure Hunt.



*Gambar 1: Gimik Pelancaran oleh Pengarah Hospital, diiringi Puan Juliana, Ketua Unit Radiologi. Turut kelihatan, Dr Wan Mohd Syazwan, Puan Cynthia, Matron Martha dan PPP(K) Hafry.*



*Gambar 2: Para AJK yang bertungkus lumus memastikan program berjalan dengan lancar.*



*Gambar 3: Sesi CME oleh Puan Hazwani Ag. Damit.*



*Gambar 4: Tayangan Montaj daripada Unit Radiologi HBFT semasa Hari Pelancaran Program.*

## UNIT KESIHATAN AWAM TERAJUI HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT HBFT

Unit Kesihatan Awam HBFT telah berjaya menganjurkan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (MKKP) pada 14 hingga 20 November lepas bagi memberi kesedaran kepada warga HBFT dan SEDAFIAT mengenai aspek keselamatan dan kesihatan dalam menjalankan tugas seharian.

Program yang diadakan sempena Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Sedunia ini dirasmikan oleh Pengarah Hospital, Dr Ridwan Bin Hashim.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program ini, antaranya ialah Pelancaran OSHAWEEKHBFT, Mini Karnival Games, Pertandingan Selfie Wefie, Mega CME, Cabutan Tiket Bertuah, Pertandingan Mewarna dan Mencipta Logo, Pameran, Senam Robik oleh Unit Fisioterapi HBFT dan Majlis Penutupan Program yang disempurnakan oleh Pengarah Hospital, Dr Ridwan Bin Hashim.



*Gambar 1: Pengarah Hospital diiringi Ketua Unit melawat ke tapak pameran.*



*Gambar 2: Barisan AJK yang terlibat dalam memastikan program berjalan dengan lancar.*



*Gambar 3: Pengarah Hospital menyampaikan hadiah kepada pemenang pada Hari Penutupan Program*

## DERMA ORGAN: CAKNA DEMI KEHIDUPAN

Bertemakan “Derma Organ: Cakna Demi Kehidupan, Minggu Kesedaran Pendermaan Organ pada tahun ini telah diadakan di Hospital Beaufort melalui Unit Promosi Kesihatan dan Jawatankuasa Pasukan Perolehan Organ & Tisu (TOP TEAM) HBFT.

Sambutan tahun ini adalah berbeza dengan sambutan tahun sebelumnya, yang mana telah ditetapkan pada setiap 13 Ogos berbanding tahun sebelumnya iaitu pada setiap bulan Oktober setiap tahun. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program ini, antaranya ialah Pameran, Kuiz Interaktif, CME KKM Jom Ikrar!, Kempen Jalan Derma Organ dan Kiosk Ikrar Derma Organ.

Objektif utama penganjuran program ini ialah Untuk memberi kesedaran, pendedahan dan pengetahuan tentang pendermaan organ khususnya kepada masyarakat di Daerah Beaufort, di samping memberi informasi berterusan mengenai pendermaan organ kepada kakitangan hospital dan masyarakat di daerah Beaufort khususnya.



*Gambar 1: Sesi Ceramah Derma Organ oleh Puan Yusfazilah, Pegawai Pendidikan Kesihatan HBFT*



*Gambar 2: Antara pelajar yang telah mendaftar sebagai Pengikrar Derma Organ semasa Kempen Jalan yang dijalankan di Petronas KImanis.*



*Gambar 3: Sesi Ceramah kesedaran mengenai derma organ semasa Kempen Jalan Berlangsung.*

## 100 ORANG KANAK-KANAK MERIAHKAN PROGRAM BERKHATAN HBFT

Seramai 100 orang peserta telah selesai mengikuti Program Berkhatan yang dijalankan selama dua hari, bermula 17 sehingga 18 Disember 2022. Program anjuran PERKIPS Hospital Beaufort ini merupakan program tahunan bagi persatuan ini.

Program ini juga merupakan penganjuran kali yang kedua diadakan oleh PERKIPS Hospital Beaufort bagi tahun ini. Turut hadir pada program selama dua hari itu ialah Pengerusi Perkips HBFT, Tuan Naim Bin Miki dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa Tertinggi PERKIPS HBFT.



Gambar 1: Antara kanak-kanak terawal yang selesai menjalani proses berkhatan.



Gambar 2: Tiga beradik diiringi penjaga telah selesai berkhatan.



Gambar 3: Wajah tenang semasa menjalani prosedur.



Gambar 4: Para petugas yang hebat sepanjang dua hari program.

# SIDANG REDAKSI

## **PENGERUSI**

**DR RIDWAN BIN HASHIM,**  
PENGARAH HOSPITAL BEAUFORT



## **PENGARANG**

**PN YUSFAZILAH BT YUSOFF**  
**PN NUR HAWA BAIZURA BT MOHD AMIN**



## **EDITOR**

**DR WAN MOHD SYAZWAN BIN WAN MOHD SABRI**  
**KJ NORFAIDAH BT OSMAN**  
**EN AMINUDDIN BIN MIKI**  
**PUAN ROZIDAH BT RODJIT**



## **PEREKA GRAFIK & FOTOGRAFI**

**EN KEE FARIDZ BIN K. SUHAILI**  
**EN YUNIS AMERULL HAFEZ BIN YUNIS BASUKI**



## **DATA**

**PN HALINA BT ABD HAMID**  
**PN NORSHHRINA BT MAT SANI**



**Terbitan :**



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
HOSPITAL BEAUFORT



UNIT PROMOSI KESIHATAN  
HOSPITAL BEAUFORT